

29 SEP 2002

NIK AZIZ CUBA BURUKKAN IMEJ DR MAHATHIR, KATA TENGGU RAZALEIGH

GUA MUSANG, 29 Sept (Bernama) -- Pemimpin veteran Umno Tengku Razaleigh Hamzah berkata Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sengaja cuba memburukkan peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila mendakwa Dr Mahathir tidak tahu membaca al-Quran.

Katanya walaupun Nik Aziz mahu memohon maaf, kenyataan awalnya adalah dikesali kerana dibuat di hadapan umum seolah-olah telah dirancang bagi menghina peribadi orang tertentu.

"Sepatutnya perkara seperti ini tidak timbul kerana dia (Nik Aziz) mengaku ulama. Nik Aziz dengan niat tidak betul iaitu semata-mata hendak mencari pengaruh dengan rakyat, bukan niat kerana Allah dan agama tetapi niat politik dirinya," katanya di sini hari ini.

Rabu lepas, Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS mengakui tersilap ketika berceramah dengan mendakwa Dr Mahathir sebagai tidak pandai membaca al-Quran. Beliau berkata apa yang mahu dikatakannya ialah Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab. Bagi membetulkannya beliau bersedia memohon maaf secara terbuka semasa ceramah umumnya.

"Kalau benarlah Nik Aziz sudah mengaku yang dia salah cakap, pergilah minta ampun dan maaf dengan Dr Mahathir sendiri, jangan hanya buat kenyataan akhbar yang dia salah cakap," kata beliau.

Sementara itu Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Ismail Mamat berkata penyokong PAS perlu mengambil iktibar daripada pengakuan bersalah Nik Aziz.

Nik Aziz adalah seorang manusia biasa yang turut membuat silap dan beliau bukan sempurna seperti yang sering dianggap oleh penyokong PAS, katanya kepada pemberita selepas menemui penduduk Kampung Kemuning di sini.

-- BERNAMA

WM RAR HM